



MAQOLAT: Journal of Islamic Studies

Journal website: <https://maqolat.com/>

ISSN : 2985-5829 (Online)

DOI: <https://doi.org/10.58355/maqolat.v4i2.234>

Vol. 4, No. 2 (2026)

pp. 159-172

Research Article

Manhaj Al-Quran Dalam Memelihara Kesucian Aqidah Umat Islam

Haswira Salleh Ahim

Universitas Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Brunei Darussalam;

haswirabatalun@gmail.com



Copyright © 2026 by Authors, Published by MAQOLAT: Journal of Islamic Studies. This is an open access article under the CC BY License <https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>

Received : February 02, 2026

Revised : March 13, 2026

Accepted : April 28, 2026

Available online : May 15, 2026

How to Cite: HASWIRA SALLEH AHIM. (2026). Manhaj Al-Quran in Maintaining the Sanctity of the Islamic Faith. *MAQOLAT: Journal of Islamic Studies*, 4(2), 159-172. <https://doi.org/10.58355/maqolat.v4i2.234>

Manhaj Al-Quran in Maintaining the Sanctity of the Islamic Faith

Abstract. In the contemporary context, the purity of the Islamic creed faces various intellectual and ideological challenges, such as secularism, liberalism, and other deviant currents, alongside the influence of digital media that normalizes values contrary to Islamic teachings. This situation necessitates a clear and authoritative framework to safeguard the integrity of the Muslim creed. Accordingly, this study aims to analyze the core principles of the Qur'anic methodology in preserving the creed, particularly through the affirmation of tawhīd, the rejection of shirk, and the rectification of doctrinal deviations. The study employs a library research method with a qualitative, text-based analytical approach, involving content analysis of Qur'anic verses and the interpretations of authoritative scholars in the fields of creed and Islamic thought. The findings indicate that the Qur'an presents a comprehensive and integrated methodology for preserving the creed, encompassing the construction of faith grounded in tawhīd, the purification of belief from elements of shirk and superstition, and the exposure of various forms of misguidance and intellectual deviation. This

methodology functions not only as a defensive safeguard for the creed but also as an effective and relevant framework for faith education in addressing contemporary challenges faced by the Muslim community.

Keywords: Qur'anic Methodology, Islamic Creed ('aqidah), Tawhīd, Intellectual Deviation, Contemporary Challenges.

Abstrak. Dalam konteks kontemporari, kesucian aqidah umat Islam berdepan dengan pelbagai cabaran pemikiran dan ideologi yang menyeleweng seperti sekularisme, liberalisme dan lain-lain, di samping pengaruh media digital yang menormalisasikan nilai bercanggah dengan ajaran Islam. Keadaan ini menuntut suatu kerangka panduan yang jelas dan berautoriti bagi memelihara kemurnian aqidah umat Islam. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis prinsip-prinsip utama manhaj al-Quran dalam memelihara aqidah, khususnya melalui penegasan tauhid, penolakan syirik dan pembetulan penyimpangan aqidah. Kajian ini menggunakan metode kajian kepustakaan dengan pendekatan analisis kualitatif berasaskan teks, melibatkan analisis kandungan ayat-ayat al-Quran serta tafsiran para ulama muktabar dalam bidang aqidah dan pemikiran Islam. Dapatan kajian menunjukkan bahawa al-Quran mengemukakan manhaj yang menyeluruh dan bersepadu dalam memelihara aqidah, merangkumi pembinaan iman berasaskan tauhid, pembersihan aqidah daripada unsur syirik dan khurafat, serta pendedahan terhadap bentuk-bentuk kesesatan dan penyelewengan pemikiran. Manhaj ini bukan sahaja berfungsi sebagai benteng pertahanan aqidah, tetapi juga sebagai kerangka pendidikan iman yang berkesan dan relevan dalam menghadapi cabaran aqidah umat Islam pada masa kini.

Kata Kunci: Manhaj al-Quran, Akidah Islam, Tauhid, Penyelewengan Pemikiran, Cabaran Kontemporari

PENDAHULUAN

Aqidah merupakan teras asas dalam agama Islam yang menjadi tiang kepada penerimaan iman serta penentu kesahihan seluruh amal perbuatan seorang Muslim. Aqidah yang sahih membentuk pemikiran manusia terhadap hakikat ketuhanan, tujuan penciptaan dan makna kehidupan, manakala kerosakan aqidah pula akan membawa kepada penyimpangan pemikiran dan keruntuhan iman individu itu. Justeru, pemeliharaan kesucian aqidah bukan sekadar tuntutan individu tetapi merupakan keutamaan syarak yang berkait langsung dengan kesejahteraan umat Islam secara menyeluruh.¹

Namun, kesucian aqidah umat Islam sentiasa berhadapan dengan pelbagai bentuk ancaman, sama ada secara jelas mahupun tersembunyi. Ancaman tersebut merangkumi unsur syirik, bid'ah, kefahaman yang sesat dan ideologi kontemporari yang bercanggah dengan ajaran Islam dan tauhid.² Dalam konteks kontemporari, ancaman ini sering disalurkan melalui pemikiran falsafah, budaya popular, media massa dan media digital yang menyebarkan nilai asing secara halus dan berulang-ulang.³ Keadaan ini menyebabkan sebahagian umat Islam terdedah kepada

¹ Abū Ḥāmid al-Ghazālī, *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*, Dār al-Ma'rīfah, Beirut, 2002, jld. 1, hlm. 93-95.

² Abū al-Ḥasan 'Alī al-Nadwī, *Mādhā Khasira al-'Ālam bi Inḥitāṭ al-Muslimīn*, Dār Ibn Kathīr, Beirut, 2006, hlm. 213-216.

³ Zuhri, A. M. (2021). *Beragama di ruang digital; Konfigurasi ideologi dan ekspresi keberagamaan masyarakat virtual*. Nawa Litera Publishing.

kekeliruan aqidah dan kecenderungan untuk menilai agama berdasarkan hawa nafsu dan tekanan budaya semasa.

Dalam menghadapi cabaran tersebut, al-Quran berperanan sebagai sumber utama yang bukan sahaja menetapkan asas keimanan dan hukum-hukum syarak, bahkan menyediakan sesuatu manhaj yang tersusun dan menyeluruh dalam memelihara kesucian aqidah umat Islam. al-Quran membimbing manusia melalui penegasan tauhid serta pendedahan terhadap tipu daya syaitan dan kesan buruk penyimpangan aqidah. Manhaj al-Quran ini bersifat menyeluruh dan berterusan, merangkumi aqidah, pemikiran dan pembentukan keperibadian Muslim yang seimbang.⁴

Sehubungan itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis manhaj al-Quran dalam menjaga kesucian aqidah umat Islam serta menilai kepentingannya dalam menghadapi cabaran pemikiran dan ideologi kontemporari. Analisis ini diharapkan dapat menonjolkan peranan al-Quran sebagai panduan utama dalam memperkukuhkan keimanan, membentuk cara pemikiran Islam yang mantap, membina ketahanan aqidah umat Islam dalam era globalisasi dan pengaruh ideologi kontemporari yang semakin mencabar ini.

METODE KAJIAN

Berdasarkan keseluruhan perbincangan di atas, kajian ini menggunakan metode kajian kepustakaan dengan pendekatan analisis kualitatif. Kajian ini menumpukan kepada analisis kandungan terhadap ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan aqidah, tauhid, kesesatan dan pendidikan iman, serta ditunjangi oleh tafsiran para ulama muktabar dan karya-karya ilmiah dalam bidang aqidah dan pemikiran Islam. Pendekatan ini digabungkan dengan analisis tematik, iaitu mengenal pasti tema-tema utama seperti penegasan tauhid, penolakan syirik, *tasfiyah* aqidah, tarbiyyah iman dan pendedahan strategi kesesatan, bagi membina gambaran menyeluruh tentang manhaj al-Quran dalam memelihara kesucian aqidah. Metode ini bersifat normatif-deskriptif dan analitikal, bertujuan menghuraikan prinsip-prinsip aqidah menurut perspektif al-Quran serta menilai relevansinya dalam menghadapi cabaran ideologi kontemporari.

Konsep Aqidah Dan Kesucian Dalam Al-Quran Pengertian Aqidah Menurut Al-Quran

Aqidah dalam Islam merujuk kepada asas keimanan yang menjadi pegangan hidup seorang Muslim. Dari perspektif al-Quran, aqidah bukan sekadar kepercayaan yang bersifat dalaman, tetapi sesuatu keyakinan yang kukuh dan pasti terhadap kebenaran yang ditetapkan oleh Allah SWT. Aqidah berfungsi membentuk cara berfikir serta menentukan sikap manusia terhadap Allah, alam dan kehidupan. Oleh itu, al-Quran memberikan penekanan yang besar terhadap pembinaan aqidah yang betul sebagai asas kepada keseluruhan ajaran dan sistem kehidupan.⁵

⁴ Ismā'il ibn 'Umar Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, Dār Ṭayyibah, Riyadh, 1999, jld. 1, hlm. 31-34.

⁵ Abū Ḥāmid al-Ghazālī, *al-Iqtisād fī al-'Itiqād*, Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, 2004, hlm. 15-18.

Secara asas, aqidah Islam berpandukan keimanan kepada Allah SWT sebagai Tuhan yang Maha Pencipta dan Pentadbir seluruh alam. Keimanan ini menuntut pengesaan Allah dalam aspek *rububiyyah*, *uluhiyyah* dan *asma'wa sifat*, serta penolakan terhadap sebarang bentuk penyekutuan atau kepercayaan yang bercanggah kepada prinsip tauhid. Al-Quran berulang kali menegaskan bahawa keimanan kepada Allah merupakan gagasan utama aqidah dan asas kepada keselamatan serta kejayaan manusia di dunia dan akhirat.⁶

Selain keimanan kepada Allah, aqidah menurut al-Quran turut merangkumi keimanan kepada malaikat sebagai makhluk Allah yang diciptakan untuk melaksanakan perintah dan ketetapan Allah. Keimanan ini menanam keyakinan bahawa alam ini tidak bergerak secara kebetulan, sebaliknya diatur oleh suatu sistem ketuhanan yang tersusun dan terpelihara. Di samping itu, al-Quran turut menegaskan keimanan kepada kitab-kitab Allah yang diturunkan sebagai petunjuk kepada manusia, dengan al-Quran sebagai wahyu terakhir yang menyempurnakan dan membenarkan kitab-kitab sebelumnya.⁷

Seterusnya, aqidah Islam menuntut keimanan kepada para Rasul yang diutus oleh Allah SWT sebagai penyampai wahyu dan pembimbing umat manusia. Keimanan kepada para Rasul bukan sekadar pengakuan terhadap kewujudan mereka, bahkan merangkumi penerimaan terhadap ajaran yang dibawa untuk menjadikan mereka sebagai teladan dalam kehidupan. Al-Quran menegaskan bahawa membezakan antara para rasul dalam aspek keimanan atau menolak sebahagian daripada mereka merupakan sesuatu bentuk penyimpangan aqidah.⁸

Keimanan kepada hari akhirat pula merupakan pegangan yang penting dalam aqidah al-Quran kerana ia membentuk kesedaran tentang tanggungjawab dan pembalasan. Al-Quran mengaitkan keimanan kepada hari akhirat dengan konsep keadilan Ilahi, perhitungan amal, syurga dan neraka. Kepercayaan ini mendidik manusia agar hidup secara beretika, menjauhi kezaliman serta tidak terikat semata-mata kepada keseronokan dunia yang bersifat sementara.⁹ Aqidah Islam juga merangkumi keimanan kepada qada' dan qadar iaitu keyakinan bahawa segala ketentuan berlaku berdasarkan ilmu dan kehendak Allah SWT. Keimanan ini melahirkan keseimbangan antara usaha manusia dan bergantung kepada Allah, di samping menanam sikap redha, sabar dan tawakal. Pada masa yang sama, al-Quran juga menolak fahaman kepercayaan kepada takdir tanpa ikhtiar mahupun kebebasan manusia tanpa batas.¹⁰

Keseluruhannya, aspek aqidah ini bersifat *tauqifiyyah* iaitu berpandukan wahyu dan tidak bergantung kepada akal semata-mata atau rekaan manusia. Justeru

⁶ Abū Ja'far Muḥammad ibn Jarīr al-Ṭabarī, *Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl Āy al-Qur'ān*, Dār Hajar, Kaherah, 2001, jld. 1, hlm. 146–148.

⁷ Muḥammad Rashīd Riḍā, *Tafsīr al-Manār*, Dār al-Manār, Kaherah, 1947, jld. 1, hlm. 255–260.

⁸ Abū al-Ḥasan 'Alī al-Ash'arī, *Maqālāt al-Islāmiyyīn wa Ikhtilāf al-Muṣallīn*, Maktabah al-Nahḍah al-Miṣriyyah, Kaherah, 1950, hlm. 290–292.

⁹ al-Qurṭubī, Abū 'Abd Allāh Muḥammad ibn Aḥmad, *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān*, Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, Kaherah, 1964, jld. 17, hlm. 7–10.

¹⁰ Abū Bakr al-Bāqillānī, *al-Tamhīd fi al-Radd 'alā al-Mulḥidah*, Mu'assasah al-Risālah, Beirut, 1987, hlm. 276–279.

itu, al-Quran menegaskan bahawa aqidah merupakan kebenaran mutlak yang ditetapkan oleh Allah SWT demi memelihara kesucian iman umat Islam.

Maksud Kesucian Aqidah

Kesucian aqidah dalam Islam merujuk kepada keadaan keimanan yang terpelihara daripada sebarang unsur yang mencemarkan ketauhidan dan kebenaran wahyu. Aqidah yang suci ialah aqidah yang dibina sepenuhnya berasaskan ajaran al-Quran dan Hadith Nabi, tanpa dicampuri kepercayaan asing atau tafsiran yang menyimpang. Dalam konteks ini, kesucian aqidah bukan sekadar beriman secara asas, tetapi melibatkan keteguhan keyakinan, dan ketundukan sepenuhnya kepada ketetapan Allah SWT sebagai sumber kebenaran mutlak.¹¹

Antara ciri utama kesucian aqidah ialah kebersihannya daripada syirik dalam semua bentuk, sama ada syirik yang jelas mahupun yang tersembunyi. Al-Quran dengan tegas menolak sebarang bentuk penyekutuan terhadap Allah kerana syirik merosakkan asas tauhid dan menafikan keesaan Allah sebagai Tuhan yang Esa. Syirik bukan sahaja berlaku dalam bentuk penyembahan selain Allah, bahkan boleh muncul melalui kebergantungan melampau kepada makhluk, kepercayaan terhadap kuasa ghaib selain Allah dan nilai duniawi yang mengatasi ketundukan kepada perintah Ilahi.¹²

Selain itu, kesucian aqidah juga menuntut agar keimanan terpelihara daripada unsur *tahrif* iaitu penyelewengan atau pemutarbalikan ajaran agama daripada makna asalnya. *Tahrif* berlaku apabila al-Quran ditafsirkan mengikut kehendak akal semata-mata, mengikut budaya atau kepentingan tertentu sehingga menyimpang daripada maksud yang sebenar. Al-Quran memberi peringatan keras terhadap sikap golongan yang mengubah kebenaran demi kepentingan dunia, juga menegaskan kewajipan berpegang teguh kepada ajaran yang diturunkan tanpa menukarnya dan unsur-unsur penipuan.¹³

Kesucian aqidah turut menuntut agar keimanan tidak dicemari oleh hawa nafsu dan kepentingan duniawi. Al-Quran mengkritik sikap manusia yang menjadikan keinginan peribadi dan pertimbangan sosial sebagai ukuran kebenaran. Apabila hawa nafsu dijadikan panduan utama, aqidah akan terdedah kepada penyesuaian yang bercanggah dengan prinsip Islam. Oleh itu, al-Quran mendidik umat Islam agar menjadikan wahyu sebagai ukuran tertinggi dalam menilai kebenaran bukan kehendak diri atau tekanan semasa.¹⁴

Sehubungan itu, al-Quran menegaskan bahawa pemeliharaan kesucian aqidah merupakan tanggungjawab utama umat Islam, sama ada pada peringkat individu mahupun masyarakat. Tanggungjawab ini merangkumi usaha memahami aqidah

¹¹ Abū Bakr al-Bāqillānī, *al-Tamhīd fī al-Radd ‘alā al-Mulḥidah*, Mu’assasah al-Risālah, Beirut, 1987, hlm. 264-267.

¹² Muḥammad ibn ‘Abd Allāh al-Qurṭubī, *al-Jāmi’ li Aḥkām al-Qur’ān*, Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, Kaherah, 1964, jld. 6, hlm. 413-416

¹³ al-Ṭāhir Ibn ‘Āshūr, *al-Taḥrīr wa al-Tanwīr*, Dār al-Tūnisīyyah, Tunis, 1984, jld. 1, hlm. 430-445.

¹⁴ Abū al-Ḥasan ‘Alī al-Nadwī, *al-Ṣirā’ bayna al-Fikrah al-Islāmiyyah wa al-Fikrah al-Gharbiyyah*, Dār al-Qalam, Damsyik, 1997, hlm. 91-94.

yang sah, mempertahankannya daripada penyeleweng serta menyampaikan kebenaran dengan hikmah dan kebijaksanaan. Dalam dunia yang dengan cabaran ideologi dan pemikiran Barat, penegasan al-Quran terhadap kesucian aqidah menjadi asas penting dalam memastikan ketahanan iman dan kelangsungan identiti umat Islam sepanjang zaman.

Manhaj Al-Quran Dalam Memelihara Kesucian Aqidah Penegasan Tauhid Sebagai Asas

Manhaj al-Quran dalam memelihara kesucian aqidah bermula dengan penegasan tauhid sebagai asas utama keimanan. Tauhid merupakan inti pati ajaran Islam dan mesej teras yang dibawa oleh seluruh para Rasul. Al-Quran menegaskan bahawa setiap Rssul diutus dengan seruan yang sama iaitu mengesakan Allah SWT dan menjauhi segala bentuk penyembahan selain Allah. Penegasan ini menunjukkan bahawa tauhid bukan sekadar satu komponen aqidah, tetapi menjadi panduan utama yang membentuk keseluruhan sistem kepercayaan, nilai dan kehidupan seorang Muslim.¹⁵

Dalam konteks ini, al-Quran menolak secara tegas terhadap syirik besar, iaitu perbuatan menyekutukan Allah dalam ibadah, doa atau keyakinan ketuhanan. Syirik besar dianggap sebagai pencemaran paling serius terhadap kesucian aqidah kerana ia meruntuhkan asas tauhid dan menafikan keesaan Allah sebagai Tuhan yang Maha Esa. Al-Quran berulang kali memberi amaran bahawa syirik merupakan dosa terbesar yang membawa kepada kerugian aqidah dan kegagalan akhirat sekiranya tidak disertai dengan taubat yang sebenar.¹⁶

Selain syirik besar, manhaj al-Quran turut memberi perhatian terhadap penolakan syirik kecil yang sering berlaku secara halus dan tidak disedari. Bentuk pencemaran ini boleh muncul melalui *riya'*, *'ujub* dan kebergantungan hati selain Allah walaupun seorang itu masih berpegang kepada amalan Islam secara zahir. Al-Quran mendidik umat Islam agar sentiasa memurnikan niat dan kebergantungan hanya kepada Allah, kerana kerosakkan hati dan niat merupakan faktor dalaman yang boleh melemahkan tauhid serta menghakis kesucian aqidah secara berperingkat.¹⁷

Lebih daripada itu, al-Quran turut menolak segala bentuk pengabdian kepada selain Allah, termasuk penghambaan kepada harta, kuasa ideologi dan manusia. Dalam banyak ayat al-Quran, al-Quran mengkritik sikap manusia yang menjadikan materialisme, kedudukan sosial atau pemikiran tertentu sebagai penentu mutlak nilai dan kebenaran. Bentuk pengabdian itu bercanggah dengan hakikat tauhid kerana ia memindahkan ketundukan mutlak yang sepatutnya hanya diberikan kepada Allah kepada makhluk atau ciptaan manusia.¹⁸

¹⁵ al-Ṭabarī, *Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl Āy al-Qur'ān*, Dār Hajar, Kaherah, 2001, jld. 8, hlm. 361–363.

¹⁶ al-Qurṭubī, *al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān*, Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, Kaherah, 1964, jld. 6, tafsir al-Nisā' (4:48), hlm. 413–416.

¹⁷ Abū Ḥāmid al-Ghazālī, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, Dār al-Ma'rifah, Beirut, 2002, jld. 3, hlm. 295–305.

¹⁸ al-Ṭāhir Ibn 'Ashūr, *al-Taḥrīr wa al-Tanwīr*, Dār al-Tūnisiyyah, Tunis, 1984, jld. 16, tafsir al-Jāthiyah (45:23), hlm. 195–198.

Oleh itu, penegasan tauhid dalam al-Quran berfungsi sebagai benteng utama dalam memelihara kesucian aqidah umat Islam. Tauhid bukan sekadar pengakuan kepercayaan, tetapi prinsip hidup yang membebaskan manusia daripada perhambaan selain Allah. Dengan menjadikan tauhid sebagai asas, al-Quran membina aqidah yang murni dan mampu menghadapi pelbagai bentuk syirik dan penyimpangan, sama ada ia dalam bentuk tradisional mahupun dalam wajah moden yang lebih mendalam.

Pembersihan Aqidah Melalui Tasfiah

Antara manhaj penting al-Quran dalam memelihara kesucian aqidah ialah pendekatan *tasfiah* iaitu proses pembersihan aqidah daripada unsur-unsur yang mencemarkan keimanan. *Tasfiah* aqidah merujuk kepada usaha mengembalikan kepercayaan umat Islam kepada bentuk yang murni sebagaimana yang diturunkan melalui wahyu tanpa campuran kepercayaan asing atau pengaruh budaya yang menyeleweng. Pendekatan ini menunjukkan bahawa al-Quran bukan sahaja berfungsi membina aqidah yang sahih, tetapi juga berperanan memperbetulkan kerosakan aqidah yang telah berlaku dalam masyarakat.¹⁹

Al-Quran membersihkan aqidah daripada kepercayaan khurafat yang tidak berasaskan wahyu dan akal yang sihat. Kepercayaan terhadap unsur gaib atau mistik yang disandarkan kepada objek, tempat, individu atau ritual tertentu tanpa dalil yang sahih dianggap sebagai pencemaran aqidah Islam. Al-Quran menolak kepercayaan sebegini kerana ia melemahkan kebergantungan manusia kepada Allah SWT serta membuka ruang kepada unsur syirik dan penyelewengan iman. Melalui penegasan tauhid, al-Quran mendidik umat Islam agar menilai sesuatu kepercayaan berdasarkan wahyu al-Quran dan Hadith, bukan tradisi turun-temurun atau amalan popular dalam masyarakat.²⁰

Selain itu, *tasfiah* aqidah dalam al-Quran turut berfungsi membetulkan salah faham tentang hakikat ketuhanan. Kekeliruan ini boleh muncul dalam bentuk pemahaman yang menyimpang terhadap sifat-sifat Allah, konsep qada' dan qadar atau hubungan antara kehendak Ilahi dan usaha manusia. Al-Quran memperbetulkan salah faham tersebut dengan menegaskan kesempurnaan sifat Allah dan keseimbangan antara ketentuan Allah dan tanggungjawab manusia. Pembetulan ini penting agar aqidah tidak disalah tafsir sehingga melahirkan sikap ekstrem, sama ada terlalu berserah tanpa usaha atau terlalu mengagungkan kebebasan manusia.²¹

Pendekatan *tasfiah* juga menekankan keperluan mengembalikan iman kepada wahyu sebagai sumber rujukan utama aqidah. Al-Quran menolak sikap menjadikan akal atau nafsu sebagai penentu mutlak kebenaran aqidah. Walaupun Islam mengiktiraf peranan akal, al-Quran menegaskan bahawa akal mesti dibimbing oleh wahyu agar tidak tersasar daripada landasan tauhid. Dengan itu, *tasfiah* aqidah

¹⁹ Abū al-Qāsim al-Qushayrī, *al-Risālah al-Qushayriyyah*, Dār al-Khayr, Beirut, 2002, hlm. 41-44.

²⁰ Muḥammad al-Amin al-Shanqīṭī, *Aḍwā' al-Bayān fi Idāḥ al-Qur'ān bi al-Qur'ān*, Dār 'Ālam al-Fawā'id, Mekah, 2005, jld. 7, hlm. 312-315.

²¹ Imām al-Ḥaramayn al-Juwaynī, *al-Irshād ilā Qawāṭi' al-Adillah fi Uṣūl al-I'tiqād*, Dār al-Minhāj, Jeddah, 2007, hlm. 98-101.

bertujuan memastikan keimanan umat Islam kekal berteraskan al-Quran dan Hadith, bukan tafsiran bebas yang terpisah daripada sumber asal ajaran Islam.²²

Kesimpulannya, pembersihan aqidah melalui *tasfiah* merupakan manhaj al-Quran yang sangat penting dalam memelihara kesucian iman umat Islam. Melalui usaha membersihkan khurafat, membetulkan salah faham ketuhanan serta mengembalikan rujukan aqidah kepada wahyu, al-Quran membina keimanan yang baik dan seimbang. Pendekatan *tasfiah* ini kekal relevan dalam konteks semasa khususnya ketika umat Islam berhadapan dengan pelbagai pengaruh ideologi Barat, budaya dan kepercayaan moden yang berpotensi menyelewengkan aqidah Islam

Manhaj Al-Quran Dalam Mendidik Dan Membina Kefahaman Aqidah Pendekatan Tarbiyyah Iman

Manhaj al-Quran dalam mendidik dan membina kefahaman aqidah umat Islam menekankan pendekatan *Tarbiyyah* iman yang bersifat mendidik, membentuk dan memantapkan keimanan secara menyeluruh. *Tarbiyyah* iman dalam al-Quran tidak dilaksanakan secara paksa atau perubahan secara mengejut, sebaliknya melalui proses pendidikan rohani yang berterusan dan berperingkat. Pendekatan ini selari dengan fitrah manusia yang memerlukan masa dan penghayatan bagi membentuk keyakinan aqidah yang kukuh.²³

Salah satu ciri utama tarbiyyah iman dalam al-Quran ialah pengulangan ayat-ayat yang menegaskan tauhid, keimanan kepada hari akhirat serta kekuasaan Allah SWT. Pengulangan ini bersifat sebagai mekanisme peneguhan iman dan penyedaran berterusan. Melalui penegasan yang konsisten terhadap keesaan Allah, realiti pembalasan akhirat dan kekuasaan Allah ke atas seluruh alam, al-Quran membina kesedaran aqidah yang mendalam dan berterusan dalam diri manusia.²⁴

Selain itu, al-Quran menggabungkan pendekatan *targhib* dan *tarhib* dalam mendidik iman umat Islam. *Targhib* merujuk kepada galakan melalui janji ganjaran, rahmat dan kebahagiaan di dunia serta akhirat bagi mereka yang beriman dan taat. Pendekatan ini menanam rasa harapan dan kecintaan yang positif dengan Allah SWT, seterusnya mendorong manusia untuk memperkukuh aqidah dan amal soleh secara ikhlas dan sukarela. Pada masa yang sama, pendekatan *tarhib* digunakan sebagai peringatan melalui ancaman azab dan akibat buruk bagi mereka yang menyimpang daripada aqidah yang benar. *Tarhib* tidak bertujuan menakutkan secara melampau, sebaliknya berfungsi membina rasa tanggungjawab, kesedaran dan kewaspadaan terhadap bahawa penyimpangan iman.²⁵ Gabungan *targhib* dan *tarhib* ini menjadikan tarbiyyah iman al-Quran bersifat seimbang dan berkesan dalam membentuk kefahaman aqidah yang mantap serta berdaya tahan menghadapi cabaran pemikiran dan ideologi semasa.

Penggunaan Kisah (Qasas Al-Quran)

²² Abū Ḥafṣ ‘Umar al-Nasafi, al-‘Aqā’id al-Nasafiyah, Dār al-Baṣā’ir, Kaherah, 2009, hlm. 21–23.

²³ Muḥammad al-Khaḍir Ḥusayn, al-Īmān: Ḥaḳīqatuhu wa Atharuhu fi Ḥayāt al-Fard wa al-Mujtama’, Dār al-Salām, Kaherah, 2001, hlm. 17–20.

²⁴ Abū al-A‘lā al-Mawḍūdī, Tafhīm al-Qur’ān, Dār al-Fikr, Beirut, 1986, jld. 1, hlm. 60–63.

²⁵ Abū Ḥamid al-Ghazālī, Kitāb al-Khawf wa al-Rajā’, Dār al-Minhāj, Jeddah, 2010, hlm. 23–26.

Antara manhaj penting al-Quran dalam mendidik dan membina kefahaman aqidah umat Islam ialah penggunaan kisah atau *qasas* al-Quran. Kisah-kisah dalam al-Quran bukan sekadar penceritaan sejarah, bahkan berfungsi sebagai medium pendidikan aqidah yang berkesan dan berpengaruh. Melalui pendekatan penceritaan, al-Quran menyampaikan mesej keimanan secara tidak langsung tetapi mendalam, sejajar dengan fitrah manusia yang lebih mudah menerima pengajaran melalui penceritaan dan kisah-kisah disebaliknya.²⁶

Kisah para nabi dalam al-Quran berperanan besar dalam mengukuhkan aqidah umat Islam khususnya dalam menegaskan prinsip tauhid dan ketaatan mutlak kepada Allah SWT. Misalnya kisah Nabi Nuh AS menggambarkan keteguhan iman seorang Rasul dalam menghadapi penolakan, ejekan dan penentangan kaumnya. Melalui kisah ini, al-Quran menanam kefahaman bahawa kebenaran aqidah tidak diukur berdasarkan jumlah pengikut dan penerimaan masyarakat, tetapi berdasarkan kesetiaan kepada wahyu dan perintah Allah. Kisah para nabi ini juga memperlihatkan bahawa perjuangan mempertahankan aqidah merupakan sunnatullah yang berulang sepanjang sejarah manusia.²⁷

Selain berfungsi sebagai pengukuh iman, kisah al-Quran turut berperanan sebagai peringatan terhadap kesesatan dan penyimpangan aqidah. Kisah kaum 'Ad dan Thamud memaparkan akibat keingkaran terhadap ajaran tauhid dan sikap sombong yang menolak kebenaran walaupun bukti telah nyata. Al-Quran menampilkan kehancuran umat-umat ini sebagai amaran bahawa kekuatan fizikal, kemajuan tamadun dan kelebihan material tidak mampu menyelamatkan manusia apabila aqidah mereka rosak dan menyimpang.²⁸

Kisah Firaun pula menonjolkan bentuk penyimpangan aqidah yang lebih ekstrem iaitu pengakuan ketuhanan oleh manusia serta penindasan yang berasaskan kesombongan kuasa. Al-Quran membongkar kepalsuan dakwaan Firaun dan menegaskan bahawa kekuasaan mutlak hanyalah milik Allah SWT. Kisah ini mendidik umat Islam agar tidak tunduk kepada manusia, ideologi atau peraturan yang melampaui batas ketuhanan dan menegaskan bahawa kezaliman dan kesyirikan pasti membawa kepada kehancuran walaupun disokong oleh kekuatan material.²⁹

Kesimpulannya, penggunaan kisah al-Quran merupakan manhaj pendidikan aqidah yang sangat berkesan kerana ia menggabungkan unsur pengukuhan iman dan peringatan terhadap penyimpangan dalam satu pendekatan yang seimbang. Kisah-kisah ini bukan sekadar relevan untuk umat dahulu, bahkan menjadi panduan sepanjang zaman dalam memelihara kesucian aqidah umat Islam.

Manhaj Al-Quran Dalam Menghadapi Ancaman Terhadap Aqidah

²⁶ Muḥammad Aḥmad Khalaf Allāh, *al-Fann al-Qaṣaṣī fī al-Qur'ān al-Karīm*, Dār al-Ma'ārif, Kaherah, 1972, hlm. 23–27.

²⁷ Abū al-Fidā' Ismā'īl ibn Kathīr, *Qiṣaṣ al-Anbiyā'*, Dār Ibn Kathīr, Damsyik, 2001, hlm. 45–48.

²⁸ Sayyid Quṭb, *Fī Zīlāl al-Qur'ān*, Dār al-Shurūq, Kaherah, 2003, jld. 6, hlm. 3612–3616.

²⁹ Muḥammad al-Ṭāhir Ibn 'Āshūr, *Qiṣaṣ al-Qur'ān al-Karīm*, Dār Suḥnūn, Tunis, 1998, hlm. 112–115.

Menolak Taqlid Buta Dan Pemikiran Batil

Manhaj al-Quran dalam menghadapi ancaman terhadap aqidah menekankan penolakan terhadap *taqlid* buta dan pemikiran batil yang tidak berasaskan ilmu dan kebenaran wahyu. Al-Quran mengecam sikap mengikut-ikutan tanpa kefahaman khususnya apabila amalan dan kepercayaan tersebut bercanggah dengan prinsip tauhid. Sikap *taqlid* buta menyebabkan manusia menerima sesuatu kepercayaan hanya kerana faktor tradisi, majoriti benda tertentu, tanpa menilai kesahihannya berdasarkan petunjuk al-Quran dan Hadith. Pendekatan ini menunjukkan bahawa aqidah Islam menuntut keimanan yang sedar dan bukan kepercayaan yang diwarisi secara buta.³⁰

Al-Quran turut mengkritik kepercayaan warisan yang bertentangan dengan tauhid, khususnya apabila ia dipertahankan atas alasan adat dan kebiasaan nenek moyang. Banyak kisah dalam al-Quran memaparkan bagaimana umat terdahulu menolak ajaran para nabi kerana berpegang kepada tradisi lama tanpa penelitian dan hujah yang sahih. Kritikan ini menegaskan bahawa kebenaran aqidah tidak diukur berdasarkan usia, jumlah pengikut atau populariti sesuatu amalan, tetapi berdasarkan kesesuaiannya dengan wahyu dan prinsip tauhid yang murni.³¹

Sehubungan itu, penolakan *taqlid* buta dan pemikiran batil dalam al-Quran bertujuan melahirkan umat Islam yang beriman secara sedar, kritis dan bertanggungjawab. Dengan menggabungkan penggunaan akal yang sihat dan bimbingan wahyu, al-Quran membina aqidah yang kukuh dan berdaya tahan menghadapi pelbagai cabaran ideologi. Pendekatan ini amat relevan dalam konteks semasa khususnya ketika umat Islam berdepan dengan fahaman moden yang sering mempromosikan kebebasan pemikiran tanpa batas.

Pendedahan Strategi Golongan Sesat

Manhaj al-Quran dalam menghadapi ancaman terhadap aqidah bukan sahaja bersifat pencegahan, bahkan turut merangkumi pendedahan terhadap strategi golongan sesat yang berusaha menyelewengkan manusia daripada jalan kebenaran. Al-Quran tidak sekadar melarang kesesatan secara umum, tetapi membongkar cara dan helah yang digunakan oleh pihak-pihak yang menyeleweng dalam menyebarkan pemikiran batil. Pendedahan ini bertujuan melahirkan kesedaran aqidah agar umat Islam tidak terpedaya dengan kebatilan yang sering disamarkan dalam bentuk kebaikan atau kebebasan berfikir.³²

Antara strategi utama yang didedahkan oleh al-Quran ialah tipu daya syaitan dalam menyesatkan manusia. Al-Quran menjelaskan bahawa syaitan tidak menyeru kepada kesesatan secara terang-terangan, sebaliknya menggunakan pendekatan berperingkat, menghasut keburukan dan menanam keraguan terhadap kebenaran. Melalui bisikan halus dan pengaburan makna, syaitan berusaha melemahkan

³⁰ Abū Ishāq al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt fi Uṣūl al-Sharī'ah*, Dār Ibn 'Affān, Khobar, 1997, jld. 2, hlm. 171-174.

³¹ Abū Ḥayyān al-Andalusī, *al-Baḥr al-Muḥīṭ*, Dār al-Fikr, Beirut, 1999, jld. 2, hlm. 168-171

³² Muḥammad al-Ṭāhir Ibn 'Āshūr, *Uṣūl al-Niẓām al-Ijtimā'ī fi al-Islām*, Dār al-Salām, Kaherah, 2001, hlm. 178-181.

keyakinan tauhid dan mengaburkan batas halal dan haram sehingga manusia terjerumus ke dalam penyimpangan aqidah tanpa disadari.³³

Selain tipu daya syaitan, al-Quran turut membongkar helah golongan penyesat yang menggunakan hujah palsu, manipulasi bahasa dan penyalahgunaan istilah agama untuk mengelirukan masyarakat. Golongan ini sering tampil dengan imej keilmuan, sedangkan hakikat ajaran yang dibawa bercanggah dengan prinsip tauhid dan petunjuk wahyu. Al-Quran memberi peringatan agar umat Islam tidak mudah terpengaruh dengan dakwaan atau penampilan luaran, sebaliknya menilai sesuatu ajaran berdasarkan kesesuaiannya dengan ajaran Islam yang sahih.³⁴

Di samping itu, al-Quran menegaskan bahawa hawa nafsu merupakan faktor dalaman yang mempercepatkan proses penyelewengan aqidah. Apabila hawa nafsu dijadikan ukuran kebenaran, manusia cenderung menerima ajaran yang selari dengan kehendak diri walaupun bercanggah dengan wahyu.³⁵ Oleh itu, pendedahan terhadap strategi golongan sesat dalam al-Quran bertujuan membina kewaspadaan rohani umat Islam agar mereka lebih berfikir secara mendalam, berhati-hati dan berpegang teguh kepada petunjuk Ilahi dalam menghadapi pelbagai bentuk kesesatan sepanjang zaman.

Relevansi Manhaj Al-Quran Dalam Konteks Kontemporari

Dalam era kontemporari, umat Islam berhadapan dengan pelbagai cabaran pemikiran dan ideologi yang memberi kesan langsung terhadap kesucian aqidah. Antara cabaran utama ialah liberalisme yang mengangkat kebebasan individu tanpa batas Syariah dan sekularisme memisahkan agama daripada kehidupan awam. Pengaruh ideologi ini tidak hanya terbatas pada perbincangan ilmiah, bahkan meresap ke dalam cara berfikir, gaya hidup dan sistem nilai masyarakat Muslim secara beransur-ansur dan berterusan.³⁶

Dalam menghadapi realiti ini, manhaj al-Quran kekal relevan sebagai benteng aqidah yang melindungi umat Islam daripada penyimpangan iman. Penegasan tauhid, penolakan syirik, pendedahan kesesatan dan pembersihan aqidah melalui tasfiyah merupakan prinsip-prinsip al-Quran yang terus berfungsi dalam menangkis pengaruh ideologi moden. Manhaj ini menegaskan bahawa aqidah yang benar tidak boleh dikompromikan walaupun berhadapan dengan tekanan sosial dan pemikiran kebebasan kontemporari.³⁷

Selain berfungsi sebagai benteng pertahanan, manhaj al-Quran juga menyediakan kerangka pemikiran Islam yang menyeluruh dalam memahami dan menilai realiti semasa. Al-Quran mengajar umat Islam agar menggunakan akal secara seimbang dalam bimbingan wahyu, sekali gus menolak sikap ekstrem sama ada dalam

³³ al-Māwardī, *Adab al-Dunyā wa al-Dīn*, Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Beirut, 2004, hlm. 60–63.

³⁴ Abū al-Qāsim al-Zamakhsharī, *al-Kashshāf ‘an Ḥaqā’iq al-Tanzīl*, Dār al-Kitāb al-‘Arabī, Beirut, 1995, jld. 1, hlm. 312–315.

³⁵ Muḥammad Sa‘īd Ramaḍān al-Būṭī, *al-Salafiyyah: Marḥalah Zamāniyyah Mubārakah*, Dār al-Fikr, Damsyik, 1998, hlm. 201–204.

³⁶ Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam and Secularism*, ISTAC, Kuala Lumpur, 1993, hlm. 17–20.

³⁷ Muḥammad ‘Abd al-Raḥmān al-‘Arīfi, *Manhaj al-Qur’ān fi Ḥimāyat al-‘Aqidah*, Dār al-Waṭan, Riyadh, 2010, hlm. 41–44.

bentuk penolakan total terhadap realiti moden atau penerimaan membuta terhadap ideologi luar. Kerangka ini membolehkan umat Islam bersikap berprinsip tanpa mengorbankan asas aqidah.³⁸

Dalam konteks penilaian ideologi moden, manhaj al-Quran berperanan sebagai alat utama dalam membezakna antara kebenaran dan kebatilan. Prinsip tauhid keadilan, tanggungjawab moral dan tujuan penciptaan manusia menjadi asas penilaian terhadap fahaman seperti liberal dan sekular. Dengan berpandukan kepada al-Quran, umat Islam mampu mengenal pasti unsur yang bercanggah dengan aqidah walaupun ia dibalut dengan istilah kemajuan, hak asasi atau kebebasan individu.³⁹

Kesimpulannya, manhaj al-Quran kekal relevan dan meluas dalam menghadapi cabaran aqidah kontemporari. Ia bukan sahaja berfungsi sebagai bentang pertahanan iman, tetapi juga sebagai kerangka pemikiran dan panduan menilai ideologi moden secara bijaksana. Dengan berpegang teguh kepada manhaj al-Quran, umat Islam mampu memelihara kesucian aqidah serta membina keimanan yang kukuh dan berdaya tahan dalam menghadapi perubahan zaman yang semakin kompleks.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, al-Quran memiliki manhaj yang menyeluruh, bersepadu dan konsisten dalam memelihara kesucian aqidah umat Islam. Manhaj ini tidak terbatas kepada penyampaian prinsip keimanan secara teori, bahkan merangkumi proses pembinaan, pemurnian dan perlindungan aqidah secara berterusan. Melalui bimbingan wahyu, al-Quran membentuk asas keimanan yang kukuh, membimbing pemikiran manusia serta memastikan aqidah umat Islam kekal selari dengan fitrah kejadian dan kebenaran Ilahi sepanjang zaman.

Pemeliharaan aqidah menurut manhaj al-Quran dilaksanakan melalui pelbagai pendekatan yang saling melengkapi, antaranya penegasan tauhid sebagai asas keimanan, penolakan terhadap syirik dan penyimpangan aqidah, pendidikan iman yang bersifat tarbiyah dan berperingkat, serta pendedahan terhadap bentuk-bentuk kesesatan dan penyelewengan pemikiran. Keseluruhan pendekatan ini memperlihatkan bahawa al-Quran bukan sahaja membina aqidah yang sahih, tetapi juga melindunginya daripada ancaman dalaman dan luaran yang sentiasa berubah mengikut peredaran zaman.

Oleh itu, penghayatan terhadap manhaj al-Quran dalam kehidupan individu dan masyarakat merupakan suatu keperluan asas bagi memastikan umat Islam kekal beriman teguh, beridentiti jelas dan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran pemikiran kontemporari. Dengan menjadikan al-Quran sebagai rujukan utama dalam membina, menilai dan memelihara keimanan, umat Islam mampu mempertahankan kesucian aqidah serta mengekalkan peranan Islam sebagai panduan hidup yang menyeluruh, seimbang dan relevan dalam realiti semasa.

³⁸ Tee, C. (2021). *The Gülen movement: Between Turkey and international exile*. *Handbook of Islamic sects and movements*, 21, 86.

³⁹ Muḥammad Quṭb, *Madhāhib Fikriyyah Mu'āshirah*, Dār al-Shurūq, Kaherah, 1998, hlm. 133-136.

DAFTAR PUSTAKA

- Abū al-A'īn al-Mawdūdī. *Tafhīm al-Qur'ān*. Vol. 1. Beirut: Dār al-Fikr, 1986.
- Abū al-Fidā' Ismā'īl ibn Kathīr. *Qīṣaṣ al-Anbiyā'*. Damascus: Dār Ibn Kathīr, 2001.
- Abū al-Ḥasan 'Alī al-Ash'arī. *Maqālāt al-Islāmiyyīn wa Ikhtilāf al-Muṣallīn*. Cairo: Maktabah al-Nahḍah al-Miṣriyyah, 1950.
- Abū al-Ḥasan 'Alī al-Nadwī. *Mādhā Khasira al-'Ālam bi Inḥitāt al-Muslimīn*. Beirut: Dār Ibn Kathīr, 2006.
- Abū al-Ḥasan 'Alī al-Nadwī. *al-Ṣirā' bayna al-Fikrah al-Islāmiyyah wa al-Fikrah al-Gharbiyyah*. Damascus: Dār al-Qalam, 1997.
- Abū Bakr al-Bāqillānī. *al-Tamhīd fī al-Radd 'alā al-Mulḥidah*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1987.
- Abū Ḥafṣ 'Umar al-Nasafī. *al-'Aqā'id al-Nasafiyyah*. Cairo: Dār al-Baṣā'ir, 2009.
- Abū Ḥāmid al-Ghazālī. *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*. Vols. 1 & 3. Beirut: Dār al-Ma'rifah, 2002.
- Abū Ḥāmid al-Ghazālī. *al-Iqtisād fī al-'Itiqād*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2004.
- Abū Ḥāmid al-Ghazālī. *Kitāb al-Khawf wa al-Rajā'*. Jeddah: Dār al-Minhāj, 2010.
- Abū Ḥayyān al-Andalusī. *al-Baḥr al-Muḥīṭ*. Vol. 2. Beirut: Dār al-Fikr, 1999.
- Abū Ishāq al-Shāṭibī. *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah*. Vol. 2. Khobar: Dār Ibn 'Affān, 1997.
- Abū Ja'far Muḥammad ibn Jarīr al-Ṭabarī. *Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl Āy al-Qur'ān*. Vols. 1 & 8. Cairo: Dār Hajar, 2001.
- Abū al-Qāsim al-Qushayrī. *al-Risālah al-Qushayriyyah*. Beirut: Dār al-Khayr, 2002.
- Abū al-Qāsim al-Zamakhsharī. *al-Kashshāf 'an Ḥaqā'iq al-Tanzīl*. Vol. 1. Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, 1995.
- al-Māwardī. *Adab al-Dunyā wa al-Dīn*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2004.
- al-Qurṭubī, Abū 'Abd Allāh Muḥammad ibn Aḥmad. *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān*. Vols. 6 & 17. Cairo: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, 1964.
- Ibn Kathīr, Ismā'īl ibn 'Umar. *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*. Vol. 1. Riyadh: Dār Ṭayyibah, 1999.
- Imām al-Ḥaramayn al-Juwaynī. *al-Irshād ilā Qawāṭi' al-Adillah fī Uṣūl al-'Itiqād*. Jeddah: Dār al-Minhāj, 2007.
- Khalaf Allāh, Muḥammad Aḥmad. *al-Fann al-Qaṣaṣī fī al-Qur'ān al-Karīm*. Cairo: Dār al-Ma'arif, 1972.
- al-Shanqīṭī, Muḥammad al-Amīn. *Aḍwā' al-Bayān fī Iḍāḥ al-Qur'ān bi al-Qur'ān*. Vol. 7. Mecca: Dār 'Ālam al-Fawā'id, 2005.
- Ḥusayn, Muḥammad al-Khaḍir. *al-Īmān: Ḥaqīqatuhu wa Atharuhu fī Ḥayāt al-Fard wa al-Mujtama'*. Cairo: Dār al-Salām, 2001.
- Quṭb, Muḥammad. *Madhāhib Fikriyyah Mu'āshirah*. Cairo: Dār al-Shurūq, 1998.
- Riḍā, Muḥammad Rashīd. *Tafsīr al-Manār*. Vol. 1. Cairo: Dār al-Manār, 1947.
- al-Būṭī, Muḥammad Sa'id Ramaḍān. *al-Salafiyyah: Marḥalah Zamāniyyah Mubārakah*. Damascus: Dār al-Fikr, 1998.
- Ibn 'Ashūr, Muḥammad al-Ṭāhir. *al-Taḥrīr wa al-Tanwīr*. Vols. 1 & 16. Tunis: Dār al-Tūnisīyyah, 1984.
- Ibn 'Ashūr, Muḥammad al-Ṭāhir. *Qīṣaṣ al-Qur'ān al-Karīm*. Tunis: Dār Suḥnūn, 1998.
- Ibn 'Ashūr, Muḥammad al-Ṭāhir. *Uṣūl al-Niẓām al-Ijtimā'i fī al-Islām*. Cairo: Dār al-Salām, 2001.

- al-'Arīfī, Muḥammad 'Abd al-Raḥmān. *Manhaj al-Qur'ān fī Ḥimāyat al-'Aqīdah*. Riyadh: Dār al-Waṭān, 2010.
- Quṭb, Sayyid. *Fī Zīlāl al-Qur'ān*. Vol. 6. Cairo: Dār al-Shurūq, 2003.
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: ISTAC, 1993.
- Tee, C. "The Gülen Movement: Between Turkey and International Exile." In *Handbook of Islamic Sects and Movements*, 21: 86. 2021.
- Zuhri, A. M. *Beragama di Ruang Digital: Konfigurasi Ideologi dan Ekspresi Keberagamaan Masyarakat Virtual*. Yogyakarta: Nawa Litera Publishing, 2021.